

PMT2: Unit 15 (2)**UNIT 15 : HAK ASASI MANUSIA DILINDUNGI BERSAMA**

(buku teks Pendidikan Moral Tingkatan 2, muka surat 185 – 188)

Objektif:**Dalam unit ini, saya belajar tentang:**

- sumbangan yang boleh diberikan oleh badan bukan kerajaan untuk melindungi hak wanita, hak pengguna, hak OKU dan hak pekerja
- perasaan jika hak wanita, hak pengguna, hak OKU dan hak pekerja dilindungi
- amalan melindungi hak wanita, hak pengguna, hak OKU dan hak pekerja

TP4 - Menghubunkait sumbangan yang boleh diberikan oleh badan bukan kerajaan dalam melindungi hak wanita, hak pengguna, hak orang kurang upaya dan hak pekerja.

A. Namakan badan bukan kerajaan di bawah dan padankan peranan badan tersebut dengan sumbangan yang telah diberikan dalam usaha melindungi hak wanita, hak pengguna, hak orang kurang upaya dan hak pekerja.

Badan Bukan Kerajaan		Peranan/Sumbangan
	• •	• memperbaiki kualiti kehidupan orang cacat pendengaran • memelihara hak dan kepentingan orang cacat pendengaran
	• •	• mewujudkan saluran perhubungan antara majikan dengan pekerja • mengadakan kegiatan yang bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran anggota kesatuan
	• •	• memperjuangkan hak dan kepentingan pengguna dengan membangkitkan masalah atau isu kepenggunaan • menjadi badan penyelarasan dan perunding bagi persatuan pengguna
	• •	• memberikan perlindungan kepada wanita yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga • menyediakan khidmat kaunseling dan tempat tinggal untuk wanita yang tertindas.

TP5 – Menghayati dan mempamerkan perasaan apabila hak wanita, hak pengguna, hak orang kurang upaya dan hak pekerja dilindungi dalam kehidupan seharian.

- A. Berdasarkan setiap pernyataan di bawah, pilih 😊 bagi tindakan yang berjaya melindungi hak wanita, hak pengguna, hak orang kurang upaya dan hak pekerja dan ☹️ bagi tindakan yang tidak berjaya melindungi hak wanita,

Pernyataan	Perasaan	
1 Masyarakat perlu mengakui sumbangan golongan wanita terhadap pembangunan negara.	😊	☹️
2 Orang kurang upaya harus dibenarkan mengemis untuk membantu keluarga mereka yang susah.	😊	☹️
3 Majikan perlu menyediakan suasana tempat kerja yang kondusif untuk pekerja selain menawarkan skim ganjaran yang adil dan saksama.	😊	☹️
4 Prinsip ‘pelanggan ialah raja’ memberikan hak kepada pengguna untuk mengambil tindakan terhadap pengeluar yang tidak jujur tanpa perlu menunjukkan bukti yang sah.	😊	☹️
5 Golongan wanita wajar dipaparkan dalam semua jenis iklan kerana mereka mampu membantu pengeluar meningkatkan jualan.	😊	☹️
6 Pekerja perlu bersemuka dan berunding dengan majikan sekiranya mereka menghadapi sebarang masalah di tempat kerja.	😊	☹️
7 Program latihan kemahiran yang disediakan oleh kerajaan mampu membantu orang kurang upaya untuk hidup berdikari.	😊	☹️
8 Wanita yang didera oleh suami harus berdiam diri bagi menjaga maruah diri dan keluarga.	😊	☹️
9 Pengambilan orang kurang upaya dalam bidang pekerjaan hanya akan merugikan majikan kerana golongan ini kurang produktif.	😊	☹️
10 Penyediaan kaunter khas untuk orang kurang upaya dapat membantu mereka menyempurnakan urusan harian dengan cepat dan mudah.	😊	☹️
11 Majikan yang gagal membuat caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) ke dalam akaun pekerja mereka boleh didakwa di mahkamah.	😊	☹️
12 Hak pekerja warga asing tidak perlu diberikan perhatian oleh badan bukan kerajaan dalam usaha melindungi kepentingan pekerja di negara ini.	😊	☹️
13 Program Minggu Suai Kenal dalam kalangan pekerja baharu dapat membantu mereka menyesuaikan diri dengan suasana tempat kerja baharu dengan lebih cepat.	😊	☹️
14 Penetapan harga barang kawalan seperti minyak masak dan garam membolehkan pengguna membeli barang keperluan harian pada harga yang berpatutan.	😊	☹️
15 Orang ramai boleh menggunakan tandas yang dikhaskan untuk orang kurang upaya semasa kecemasan.	😊	☹️

TP6 – Menghayati dan mengamalkan sikap melindungi hak wanita, hak pengguna, hak orang kurang upaya dan hak pekerja secara tekal atau boleh dicontohi

A. Tandakan **(B)** pada pernyataan yang betul dan **(S)** pada pernyataan yang tidak tepat berkaitan dengan hak-hak manusia.

Pernyataan	B / S
1. Golongan wanita perlu ditindas supaya peranan dan kuasa mereka tidak melebihi golongan lelaki.	
2. Rumah perlindungan wanita dibina untuk memberikan perlindungan kepada golongan wanita yang teraniaya.	
3. Hari Wanita tidak perlu disambut oleh seluruh rakyat Malaysia.	
4. Orang Kurang Upaya (OKU) kurang berjaya dan tiada keyakinan diri.	
5. Golongan orang kurang upaya penting dalam masyarakat dan memberikan pelbagai sumbangan kepada negara.	
6. Golongan orang kurang upaya tidak diberi latihan kemahiran kerana peluang pekerjaan untuk mereka amatlah terhad.	
7. Kecacatan tidak menghalang seseorang individu itu untuk berjaya.	
8. Pengguna berhak menyuarakan ketidakpuasan hati terhadap sesuatu barangan atau perkhidmatan yang diterima.	
9. Pengguna diberikan hak untuk memilih sesuatu barangan atau perkhidmatan yang diterima.	
10. Pengguna boleh dipaksa oleh penjual untuk membeli sesuatu barangan atau perkhidmatan.	
11. Setiap majikan perlu menjaga dan melindungi hak pekerja bawahannya.	
12. Pekerja berhak mendapat cuti sakit jika berasa tidak sihat untuk bekerja.	
13. Setiap pekerja berhak mendapat pengiktirafan dan penghargaan atas sumbangan yang telah diberikan.	
14. Majikan tidak perlu memberi bayaran bonus sebagai insentif dan tanda penghargaan kepada pekerja.	